

18 SEP 1997

Mahathir-Hutan

MAHATHIR ARAH SYARIKAT MALAYSIA SEGERA PADAMKAN KEBAKARAN HUTAN

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan syarikat-syarikat Malaysia, yang dikatakan menjalankan pembakaran hutan di Indonesia, supaya berikhtiar segera memadamkan api di kawasan-kawasan berkenaan.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat itu tidak harus berdiam diri sebaliknya mesti bertanggungjawab terhadap kejadian itu, yang dilakukan untuk perniagaan mereka.

"Mereka harus mengambil tindakan sekarang juga. Cari jalan untuk memadamkan api sama ada dengan pembenihan awan, menggunakan air atau menggerakkan pekerja mereka di sana supaya memadamkan api," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita setelah melancarkan kempen keselamatan penunggang motosikal 1997-1999 di Dataran Merdeka hari ini.

Ketika mengulas permohonan maaf daripada Presiden Suharto mengenai jerebu yang berpunca daripada kebakaran hutan di Indonesia, Dr Mahathir berkata pendirian itu amat dihargai.

"Saya ingat diapun merasa bertanggungjawab ke atas ini dan kita amat menghargai pendiriannya itu...kalau tidak ada kerjasama dari Indonesia, kalau penafian oleh Indonesia tentulah susah.

"Tapi Indonesia sekarang ini akui bahawa masalahnya berada di sana walaupun di sini juga ada masalah," katanya.

Beliau yakin kalau ada kerjasama antara Malaysia dan Indonesia bagi tahun depan sekurang-kurangnya kebakaran yang berlaku akan dapat dikesan dan awal-awal lagi tindakan dapat diambil.

Perdana Menteri berkata tindakan awal penting kerana apabila kebakaran sudah meluas meliputi beribu-ribu hektar, usaha untuk memadamkan api bukanlah perkara yang mudah.

Mengulas pengumuman Kabinet semalam mengenai beberapa tindakan berdasarkan indeks pencemaran udara, termasuk sekolah-sekolah akan hanya ditutup setelah bacaan indeks itu mencapai 400, beliau berkata langkah-langkah yang diumumkan itu hanyalah perakuan sahaja.

"Ini recommendation sahaja, kabinet belum mengambil tindakan," katanya.

Dr Mahathir berkata keadaan jerebu hari ini kelihatan tidak bertambah baik walaupun malam tadi hujan.

Mengenai pertemuan beliau dengan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri semalam, Dr Mahathir berkata beliau meminta kerjasama mereka untuk mengurangkan perbelanjaan ke luar negeri, yang kadang-kadang melibatkan rombongan yang terlalu besar, yang tidak perlu.

"Kadang-kadang pihak berkuasa tempatanpun ada rombongan ke luar negeri menyebabkan kita belanja terlalu banyak untuk pergi berjalan," katanya.

Beliau berkata itu bukan bermakna lawatan seperti itu mesti dihentikan terus tetapi ia harus dikurangkan, sambil memberi contoh jika 10 orang hendak pergi, bilangan itu boleh dikurangkan kepada tiga atau empat orang sahaja. -- BERNAMA

MNY APG NAK MAI